



## Landskap ekonomi Malaysia sebelum Dasar Ekonomi Baru: Peranan pelaburan Jepun

Uqbah Iqbal<sup>1</sup>, Nordin Hussin<sup>1</sup>, Ahmad Ali Seman<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia  
43650 Bangi, Selangor

Correspondence: Uqbah Iqbal (email: greateagle\_1000@yahoo.com)

### Abstrak

Artikel ini membincangkan sejarah perkembangan pelaburan Jepun di Malaysia antara tahun 1957 hingga 1970. Tempoh ini dipilih kerana artikel ini bertujuan melihat corak pelaburan Jepun di Malaysia sebelum pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1971. Ia juga merupakan tempoh pentadbiran Tunku Abdul Rahman selaku Perdana Menteri pertama Malaysia. Lebih satu dekad selepas tahun 1945, tidak terdapat sebarang pelaburan Jepun di Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara dan Sarawak. Ini kerana ia menumpukan kepada pembinaan semula negaranya selepas Perang Dunia Kedua. Menjelang akhir tahun 1950-an, Jepun mula mengubah dasar luarnya terhadap Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara dan Sarawak dari tidak aktif kepada aktif dan memulakan polisi pelaburannya. Pelaburan Jepun dalam tempoh ini adalah berorientasi kepada pemerolehan bahan mentah dan perdagangan bagi kepentingan ekonominya. Pelaburan Jepun di Malaysia tidak berkembang pantas sehingga tahun 1970 kerana isu pampasan perang masih menjadi penghalang.

**Katakunci:** faktor tarikan, faktor tolakan, konglomerat Jepun, landskap ekonomi, pelaburan Jepun, Sogo Shosha

## Malaysia's economic landscape before the New Economic Policy: The role of Japanese investment

### Abstract

In more than a decade after 1945, because of Japan's focus on national reconstruction after the Second World War there was no Japanese investment in the Federation of Malaya, North Borneo and Sarawak. By the end of the 1950s, Japan's foreign policy regarding these countries shifted to a more active investment mode and oriented to the acquisition of raw materials and trade related to food, textile and ceramic industries. The investment flows did not grow fast until 1970 because the issue of war compensation remained an obstacle. By 1960s the manufacturing ventures had extended to toothpastes, asbestos, marine products, glutamic acids and iron ingots, and to conglomerate driven and export oriented ship building and repairing, watches and toys, electrical machineries, electrical parts and components. By 1970 Japanese investments had added a more heavy industrial touch to Malaysian industrial landscape with their petroleum and chemical industries, steel and metallurgy, wood, electronics, and transportation machineries. Thus, within a span of eight years Japanese joint-ventures in Malaysia had multiplied by more than 2,300 per cent from eight in 1962 to 189 in 1970. Granted that the Japanese investments were geared more to the processing of local natural resources to supply the input needs of Japanese industry, yet in doing so they had practically shaped and developed modern Malaysia's industrial landscape before the advent of the New Economic Policy.

**Keywords:** economic landscape, Japanese investments, Japanese conglomerates, pull factors, push factors, Sogo Shosha

## Pengenalan

Pelaburan Jepun di Malaysia telah meningkat dengan ketara sejak liberalisasi peraturan pelaburan asing Jepun pada tahun 1969. Sebelum tahun 1960 terdapat hanya 15 buah firma Jepun di Malaysia. Menjelang tahun 1980-an, jumlah itu telah meningkat kepada hampir 300 buah firma dan jumlah pelaburan Jepun di Malaysia berjumlah hampir 1 bilion ringgit. Jepun juga telah menggantikan Amerika Syarikat sebagai pelabur asing terbesar di Malaysia (Chee Peng Lim & Lee Poh Ping, 1983). Kojima (1978) menyatakan bahawa dalam tahun 1960-an dan 1970-an, faktor utama menentukan pelaburan Jepun di negara-negara membangun adalah kelebihan perbandingan. Sektor perindustrian Jepun selepas Perang Dunia Kedua adalah berintensifkan buruh. Apabila pembangunan Jepun semakin pesat, kos tenaga kerja dan bahan-bahan juga meningkat, dan ini menyebabkan firma-firma Jepun mula memindahkan operasi mereka ke negara-negara membangun yang mempunyai bekalan buruh yang lebih banyak dan murah berbanding modal.

Ozawa (1979) pula menekankan kepentingan sumber asli yang terhad di Jepun. Beliau menyatakan bahawa bagi sebuah negara seperti Jepun yang mempunyai sumber asli yang terhad, untuk mengelakkan kekangan ini dari mengehadkan pertumbuhan ekonomi, Jepun perlu memastikan pengeluaran bahan-bahan mentah yang murah dari luar negara melalui pelaburan langsung di negara-negara yang mempunyai bekalan sumber asli yang banyak. Pelaburan langsung ini adalah perlu kerana ia memberi kawalan secara langsung ke atas proses pengeluaran dan harga. Kerajaan Jepun memainkan peranan penting dalam memastikan pelaburan di luar negara berjaya melalui bantuan-bantuan yang diberikan seperti bantuan kewangan, bantuan pembangunan infrastruktur, membaiki imej Jepun di negara-negara membangun selepas Perang Dunia Kedua, bantuan lain melalui organisasi seperti Japanese Economic and Trade Organization (JETRO) dan sebagainya.

Kajian ini akan menganalisis sejarah perkembangan pelaburan Jepun di Malaysia antara tahun 1957 hingga 1970. Tempoh ini dipilih kerana kajian ini bertujuan melihat sejarah perkembangan pelaburan Jepun di Malaysia semasa era pentadbiran Tunku Abdul Rahman. Mengenai pelaburan Jepun di Malaysia dari tahun 1957 hingga 1970, antara kajian lepas yang dilihat penting ialah Mehmet Sami Denker (1990 & 1994). Ahmad Ali Seman (1996) dan Yong Ee Chin (2000). Perbezaan kajian-kajian ini dengan kajian pengkaji ialah kajian pengkaji akan dapat melengkapkan kajian-kajian terdahulu melalui data-data yang dikutip daripada sumber-sumber yang berbeza daripada para pengkaji sebelumnya. Pengolahan secara berbeza ini juga akan dapat memberikan kefahaman baru kepada para pembaca mengenai sejarah perkembangan pelaburan Jepun dalam tempoh masa kajian. Kajian ini juga akan mengumpulkan semua data pelaburan Jepun dalam tempoh masa kajian bagi menjadi rujukan para pengkaji selepasnya. Kaedah kajian yang digunakan adalah berdasarkan kaedah penelitian terhadap sumber-sumber yang diperolehi dari perpustakaan-perpustakaan, Arkib Negara Malaysia dan Selangor State Investment Centre (SSIC).

## Perkembangan pelaburan Jepun 1957-1970

Pada bulan Ogos 1945 apabila Jepun menyerah kalah, terdapat sebanyak 187 buah syarikat Jepun di Persekutuan Tanah Melayu, jumlah ketiga terbesar di Asia Tenggara selepas Hindia Timur Belanda dan Thailand. Terdapat juga sejumlah 98 buah kilang dan 29 buah lombong di bawah pengurusan Jepun (Junko Tomaru, 2000). Pelaburan pertama Jepun di Persekutuan Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua adalah berbentuk usahasama dalam pengeluaran tekstil pada tahun 1957 (J. Tann Kok Aun, 1982; Mehmet Sami Denker, 1990), melibatkan Syarikat Malayan Weaving Mills (MWM). MWM adalah anak syarikat sepenuhnya kepada Kumpulan Textile Corporation of Malaya (TCM) yang ditubuhkan kemudian pada tahun 1961. Objektif utama TCM adalah pembinaan, operasi kilang kapas bersepadu di Johor Bahru manakala MWM sebagai anak syarikat pula mengendalikan tenunan, pencelupan, pencetakan dan pakaian.

Pada tahun 1958, kilang pengetinan ikan Tuna dan sosej telah dibuka oleh Kaigai Gyogyo Corporation di Pulau Pinang (Ooi Loy Mui, 1997/1998) dan pemegang saham utama ialah Federation of

Japan Bonita, Persatuan Koperasi Perikanan Tuna dan Nippon Suisan Kaisha (Far Eastern Economic Review, 1958). Sehingga tahun 1958, terdapat sekurang-kurangnya 10 buah pejabat cawangan firma perdagangan Jepun di Persekutuan Tanah Melayu (Md. Ali Hasan, 1996). Pada bulan November 1959, Nozawa Asbestos Cement Company Limited ditubuhkan sebagai usahasama dengan rakan kongsi tempatan di Petaling Jaya (Nobuo Kawabe, 1993; Md Nasrudin Md Akhir et al., 2008). Pelaburan Jepun dalam sektor pembuatan Persekutuan Tanah Melayu bermula selepas tahun 1957 (Makoto Anazawa, 1994). Melalui usahasama dengan rakan kongsi tempatan, beberapa syarikat Jepun telah melabur dalam industri makanan, tekstil dan tembikar pada akhir tahun 1950-an. Menjelang tahun 1961, terdapat usahasama Jepun dalam pembuatan ubat gigi, kepingan asbestos, barangan laut, asid gultamik dan kepingan besi (The Straits Times, 1961).

Pada tahun 1962, Federal Iron Works Sdn. Bhd telah ditubuhkan di Shah Alam, Selangor. Modal berbayarnya adalah sebanyak RM 39.7 juta dan jumlah pelaburan adalah sebanyak RM 245.8 juta. Ia merupakan usahasama antara Jepun, Singapura, pelabur asing lain dan rakyat tempatan, dengan Jepun memegang kepentingan sebanyak 33.3 peratus, Singapura sebanyak 30.6 peratus, pelabur asing lain sebanyak 8.2 peratus, Bumiputera sebanyak 27.84 peratus dan Bukan Bumiputera sebanyak 72.16 peratus. Syarikat ini terlibat dalam industri produk besi dan besi fabrikasi melalui pembuatan & penjualan besi bergalvani dalam gegelung, prepainted sheets dalam gegelung dan galvanneal *steel* dalam gegelung. Keluaran produknya adalah 90 peratus untuk pasaran domestik dan 10 peratus untuk pasaran eksport (Selangor State Investment Centre).

Pada tahun 1964, syarikat peleburan besi yang ketiga di Malaysia, Syarikat Peleburan Besi Oriental telah ditubuhkan dan didirikan di Klang. Ia merupakan usahasama di antara Ishihara Sangyo Ltd dan pelabur tempatan dengan modal berbayar sebanyak RM 5 juta. Syarikat ini merupakan anak syarikat kepada syarikat induknya yang berada di Ipoh. Kebanyakan daripada mesin peleburannya dibawa masuk dari Jepun dan pengurusan syarikat dikuasai oleh pakar-pakar Jepun (The Straits Times, 1964). Syarikat Malayan Zip pula mengadakan usahasama di antara Yoshida Kogyo K.K dan pelabur-pelabur tempatan dalam pembuatan zip. Syarikat tersebut mula membuat zip pada bulan Oktober 1962 di Tampi, Johor. Syarikat ini menjadi lebih kukuh menjelang tahun 1964 kerana dapat menghasilkan sebanyak 156 ribu dozen zip sebulan dan hasil penjualannya adalah sebanyak RM 1 juta setahun. Hasil pembuatan zip ini juga dapat memenuhi 80 peratus daripada permintaan zip di pasaran tempatan. Menjelang tahun 1964, syarikat ini telah mengembangkan lagi pembuatannya bagi tujuan pengeksportan (Roszaima binti Rosdi, 2011).

Syarikat Ajinomoto (M) Bhd. pula telah ditubuhkan pada tahun 14 Julai 1961 dengan modal berbayar sebanyak RM 4 juta. Pada bulan Mei 1965 kilang syarikat ini yang terletak di Salak Selatan, Kuala Lumpur siap dan dikurniakan taraf perintis. Setahun kemudian, projek pengembangan pertamanya selesai dan kapasiti pengeluaran meningkat dari 50 tan ke 100 tan sebulan. Projek pengembangan kedua ialah pada tahun 1969, ketiga pada tahun 1975 dan keempat pada tahun 1979 (The Star, 1988). Tahun 1965 juga menyaksikan penubuhan Panasonic Manufacturing Malaysia Berhad di Kawasan Perindustrian Shah Alam, Selangor. Modal berbayarnya adalah sebanyak RM 60.7 juta. Ia merupakan usahasama antara Jepun dan rakyat tempatan, dengan Jepun memegang kepentingan sebanyak 61 peratus, Bumiputera sebanyak 12 peratus dan Bukan Bumiputera sebanyak 27 peratus. Syarikat ini terlibat dalam industri elektrik dan elektronik melalui penghasilan peralatan elektrik rumah, bateri dan computer. Keluaran produknya adalah 51 peratus untuk pasaran domestik dan 49 peratus untuk pasaran eksport (Selangor State Investment Centre).

Pada 1 Oktober 1965, kilang Peony Blanket Industrial Company (Malaysia) Limited yang berharga RM 1 juta telah dibuka dengan rasminya, sebuah perusahaan bersama Malaysia-Jepun di Petaling Jaya (Fail Jabatan Penerangan Malaysia No. G.4732 (N.429/89), 1965). Keyakinan Jepun terhadap kestabilan politik Malaysia dapat dilihat melalui kewujudan sebanyak 40 buah syarikat perlombongan dan perindustrian yang bernilai RM 70 juta di Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura pada awal tahun 1960-an. Pelaburan Jepun di Persekutuan Tanah Melayu pada masa ini tidak lebih daripada pelaburan oleh 26 syarikat (Nobuo Kawabe, 1993). Pelaburan Jepun di Borneo Utara dan Sarawak pula tidak begitu mengalakkan dan hanya melibatkan beberapa buah syarikat berskala kecil di Borneo Utara yang bernilai

RM 1 juta (The Straits Times, 1965). Pelaburan Jepun yang berorientasikan eksport mula mengalir masuk ke Malaysia pada pertengahan tahun 1960, menumpukan terhadap pembinaan dan pembaikan kapal, pembuatan jam, barang permainan, jentera elektrik, dan bahagian serta komponen elektrik (Hideaki Ohta et al., 1995).

Projek-projek pelaburan Jepun ini dijalankan oleh konglomerat utama Jepun, biasanya sebagai usahasama dengan pemilik tempatan daripada dimiliki mereka sepenuhnya. Bermula dari awal tahun 1965, syarikat-syarikat memproses besi dan bahan mentah Jepun telah menunjukkan minat membuka kilang-kilang usahasama di Malaysia. Tahun 1965 juga menyaksikan semakin ramai pelabur Jepun memohon untuk mendirikan loji pemasangan kereta di Malaysia (The Straits Times, 1965) bagi menampung industri kereta motor di Jepun yang sedang berkembang pesat (Mohd bin Samsuddin, 1995). Kejayaan Jepun memasarkan kereta ke luar negaranya menyebabkan mereka berusaha mencari jaminan bekalan bahan mentah.

Usahasama Jepun dan Malaysia yang paling besar ialah sebuah kilang penapisan gula di Prai pada tahun 1965. Kilang ini dilengkapi dengan mesin-mesin dan alatan Jepun yang moden manakala kilang-kilang lain lebih bertumpu dalam pembuatan simen. Pada 11 Mac 1966, Syarikat Pembinaan Kajima telah diberikan kontrak pembinaan projek menakung air Sungai Muda yang berharga RM 60 juta dari Projek Tali Air Sungai Muda di Kedah yang menelan belanja berjuta-juta ringgit (Fail Jabatan Penerangan Malaysia No. G.5194 (N.950/89), 1966).

Pada 18 Februari 1967, Universiti Malaya telah menerima satu pemberian dari kerajaan Jepun untuk menubuhkan satu kursus pengajian Jepun di universiti itu. Di bawah rancangan itu kerajaan Jepun akan menghantar tiga orang pegawai ke Universiti Malaya dan menanggung segala perbelanjaan mereka. Buku-buku dan bahan-bahan bacaan yang berharga 2 juta Yen akan diberikan kemudian (Fail Jabatan Penerangan Malaysia No. G.6454, 1967). Pada 11 Mei 1967, Syarikat Elektrik Matsushita (Malaysia) Berhad di Kawasan Perindustrian Batu Tiga, Selangor telah dibuka dengan rasminya (Fail Jabatan Penerangan Malaysia No. G.6809, 1967; Arkib Negara Malaysia, 1977). Pada 18 Mei 1967, kerajaan Jepun telah menderma alat-alat jentera pertukangan kayu dan alat-alat membaiki radio dan televisyen berharga RM 45,000 kepada Pusat Latihan Perusahaan, Kuala Lumpur (Fail Jabatan Penerangan Malaysia No. G.6845, 1967).

Pada tahun 1960-an, usahasama Jepun dan Malaysia yang paling penting ialah penubuhan loji keluli Malayawata di Prai pada 1 Ogos 1967, bernilai RM 72 juta. Ia merupakan perusahaan tunggal yang paling besar di Malaysia malahan ia juga merupakan relau bagas yang pertama di Asia Tenggara. Syarikat ini mula beroperasi pada bulan Jun 1967 dan mempunyai keupayaan tahunan untuk menghasilkan sebanyak 112 ribu tan batang besi dan besi yang belum ditempa (Mohd bin Samsuddin, 1995). Perkongsian TCM dengan MARA menghasilkan Syarikat KIMA Sdn. Bhd. pada tahun 1968 bagi penghasilan fabrik. Menjelang akhir tahun 1960, Nippon Electric Co. Ltd. (NEC) memutuskan untuk menubuhkan sebuah anak syarikat di Malaysia bagi penghasilan semikonduktor. Kilang syarikat itu akan ditempatkan di Zon Perdagangan Bebas Teluk Panglima Garang, Selangor.

Pada bulan Januari 1968, syarikat Scientex Polymer Sdn. Bhd., Scientex Packaging Film Sdn. Bhd. dan Scientex Auto Industries Sdn. Bhd. telah ditubuhkan di Shah Alam. Jumlah pelaburan setiap syarikat adalah sebanyak RM 78.9 juta. Jepun memegang kepentingan sebanyak 28.05 peratus dalam setiap syarikat. Ketiga-tiga syarikat ini terlibat dalam industri produk plastik melalui penghasilan PVC kulit, cadar, laminated foam, TPO dan permaidani. Tahun yang sama juga menyaksikan penubuhan Nippon Paint (M) Sdn. Bhd. di Shah Alam. Modal berbayarnya adalah sebanyak RM 9 juta. Ia merupakan usahasama antara Jepun dan rakyat tempatan, dengan Jepun memegang kepentingan sebanyak 21 peratus dan Bukan Bumiputera sebanyak 79 peratus. Syarikat ini terlibat dalam industri bahan kimia melalui penghasilan kompaun warna plastik. Keluaran produknya adalah 95 peratus untuk pasaran domestik dan 5 peratus untuk pasaran eksport (Selangor State Investment Centre).

Pada 8 April 1968, kerajaan Jepun telah menyumbangkan sejumlah alat-alat pembedahan khas bernilai kira-kira RM 40 ribu kepada Malaysia (Fail Jabatan Penerangan Malaysia No. G.7837, 1968). Ini diikuti oleh pemberian sebuah jentera pembalok dan lain-lain jentera pertanian dari kerajaan Jepun pada 29 Ogos 1968 (Fail Jabatan Penerangan Malaysia No. G. 8304, 1968). Terdapat juga sebuah kontrak bagi

pembinaan sebuah Stesyen Perhubungan Satelit yang berharga RM 6.6 juta di Kuantan oleh Syarikat Mitsubishi Shoji Kaisha Berhad pada 4 Julai 1969 (Fail Jabatan Penerangan Malaysia No. G.8726, 1969).

Menjelang tahun 1969, pelaburan Jepun yang terbesar di Malaysia melibatkan Lombong Kuprum Mamut di cerun Gunung Kinabalu di Sabah (Mohd bin Samsuddin, 1995). Pada 20 November 1969, Almagamated Industrial Steel Berhad ditubuhkan di Shah Alam, Selangor. Modal berbayarnya adalah sebanyak RM 60 juta. Ia merupakan usahasama antara Jepun dan rakyat tempatan. Syarikat ini terlibat dalam industri produk besi dan besi fabrikasi melalui penghasilan paip keluli. Keluaran produknya adalah 85 peratus untuk pasaran domestik dan 15 peratus untuk pasaran eksport (Selangor State Investment Centre). Terdapat juga perjanjian penyelidikan Selat Melaka antara Malaysia dan Jepun pada 18 Julai 1970 (Fail Jabatan Penerangan Negara No. G.9847, 1970).

Pelaburan Jepun dalam usahasama mula meningkat pada akhir tahun 1960-an (Ryokichi Hirono, 1974). Terdapat hanya kira-kira lapan usahasama pada tahun 1962 (Mohd. Bin Samsudin, 1988) termasuk Malayawata Steelmill (Johan Saravanamuttu, 1988), tetapi dari akhir tahun 1960-an, usahasama Jepun meningkat pesat. Pada tahun 1965, terdapat 22 usahasama di mana 13 darinya adalah dalam sektor perindustrian dan selebihnya dalam sektor perlombongan (Sumanthy a/p Murugaiah, 1997/1998), pada tahun 1969 terdapat 46 usahasama (Mohd. Bin Samsudin, 1988) dan ia meningkat kepada 189 usahasama menjelang 31 Mac 1970 (J. Tann Kok Aun, 1982). Menjelang akhir tahun 1969, jumlah pelaburan Jepun di Malaysia mencecah RM 32.2 juta (Mehmet Sami Denker, 1994). Pelaburan Jepun juga merupakan yang kelima terbesar dari kalangan pelabur asing di Malaysia (Sumanthy a/p Murugaiah, 1997/1998). Pada tahun 1969, data mengenai pelaburan asing dalam syarikat perintis menunjukkan pelaburan Jepun pada masa itu berjumlah RM 38.5 juta atau 11.2 peratus dari jumlah keseluruhan pelaburan asing.

Aktiviti ekonomi di Jepun telah meningkat dengan ketara sejak tahun 1965 kesan daripada masalah kekurangan buruh, terutamanya dalam industri elektronik. Ia adalah sukar untuk menggunakan gadis-gadis muda dalam menjalankan operasi yang berkaitan dengan pembuatan produk elektronik. Ini menyebabkan banyak syarikat Jepun memutuskan untuk memulakan pengeluaran di luar negara untuk mengambil kesempatan daripada kos buruh yang rendah dan juga keistimewaan yang diberikan kepada eksport dari negara-negara membangun. Akhir tahun 1960-an dan awal 1970-an merupakan tempoh ekonomi Jepun berada pada tahap terbaik, dan dengan desakan dari Amerika Syarikat untuk Jepun untuk memainkan peranan lebih besar di Asia Tenggara (Ahmad Ali Seman, 1996), suasana ini sesuai untuk pelaburan Jepun berkembang.

Pada tahun 1968, Jepun berada di tangga keempat dan pada tahun 1969, Jepun berada di tangga kelima (Mehmet Sami Denker, 1994) dalam kalangan negara-negara asing yang melabur di Malaysia. Kebanyakan pelaburan syarikat Jepun adalah dalam sektor pembuatan (Mehmet Sami Denker, 1990). Firma-firma Jepun terlibat dalam sektor petroleum dan kimia, keluli dan lain-lain logam, produk kayu, makanan, tekstil, elektrik dan elektronik, industri mesin pengangkutan (ibid.). Tumpuan pelaburan Jepun dalam sektor keluli dan lain-lain logam, petroleum dan kimia, dan produk kayu menunjukkan bahawa mereka tertumpu dalam pemprosesan sumber asli bagi membekalkan input untuk industri Jepun (Ryokichi Hirono, 1974) berbanding membina industri yang produktif di Malaysia (Mehmet Sami Denker, 1990). Pelaburan besar Jepun dalam Syarikat Daishowa Pulp (Tan Sock Cheong, 1994) dan Syarikat Felda Oil Products (Mehmet Sami Denker, 1994) adalah contoh eksploitasi sumber asli oleh pelaburan Jepun. Pelaburan Jepun antara tahun 1957 hingga 1970 adalah ditentukan oleh keperluan ekonomi Jepun (Chee Peng Lim & Lee Poh Ping, 1979). Hakikat ini dibuktikan dengan penglibatan sebahagian besar syarikat Jepun dalam perdagangan asing berbanding pasaran tempatan (Mehmet Sami Denker, 1990).

Terdapat beberapa faktor-faktor tarikan yang dilihat menyumbang kepada kemasukan semula pelaburan Jepun di Malaysia selepas era kolonial, antaranya ialah gesaan Tunku Abdul Rahman supaya Jepun melakukan kerjasama lebih erat dalam bidang ekonomi dan politik di Asia Tenggara, Jepun tidak mengalami siri rundingan yang panjang mengenai isu pampasan perang dengan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, hubungan perniagaan yang erat antara komuniti Cina dan usahawan Jepun dan pakej pelaburan menarik yang diperkenalkan kerajaan untuk pelaburan asing. Misalnya pada tahun 1967, kerajaan telah menubuhkan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) untuk menggalakkan

kemajuan perindustrian. Selain itu terdapat juga Ordinan Taraf Perintis 1958 (Khadijah Md. Khalid & Lee Poh Ping, 2003) dan Akta Galakan Pelaburan 1968 (Md. Ali Hasan, 1996). Usaha-usaha menambahkan kemudahan infrastruktur juga telah dilakukan di dalam Rancangan Malaysia Pertama (1966-70). Dari tahun 1950-an ke 1960-an, strategi penggantian import Malaysia (Mohd. Bin Samsudin, 1988) menyaksikan firma-firma Jepun berminat dalam mengembangkan dan melindungi pegangan pasaran tempatan mereka (Institute of Southeast Asian Studies, 1975).

Dari sudut faktor-faktor tolakan pula, Jepun dilihat memerlukan bekalan sumber bahan mentah yang berterusan dan pasaran bagi pembangunan ekonominya selepas Perang Dunia Kedua. Dalam waktu yang sama Perdana Menteri Ikeda juga mendapati rantau Asia Tenggara dan Eropah akan menjadi bertambah penting kepada Jepun di masa hadapan (F.C. Langdon, 1973). Jepun menyedari bahawa pasaran baru dan bekalan bahan mentah banyak terletak di luar Amerika Syarikat terutamanya di negara-negara Asia Tenggara. Perubahan dasar luar Jepun lebih nyata berlaku selepas tahun 1960-an apabila ia bebas daripada pengaruh Amerika Syarikat (Mohd bin Samsuddin, 1995; Malaysian Business, 1973). Aktiviti ekonomi di Jepun juga telah meningkat dengan ketara sejak tahun 1965 kesan daripada masalah kekurangan buruh, terutamanya dalam industri elektronik.

### Ciri-ciri pelaburan Jepun 1957-1970

Kebanyakan pelaburan Jepun di Malaysia berbentuk usahasama, sama seperti tempat lain di Asia Tenggara (A. Delios & Paul W. Beamish, 2004). Menurut K. Yoshihara (1978), ramai pelabur Jepun yang memindahkan operasi mereka ke luar negara tidak mempunyai dana yang mencukupi, oleh itu strategi mereka ialah menubuhkan syarikat gabungan sebagai usahasama. Rakan kongsi tempatan diperlukan bagi penubuhan awal syarikat dan selepas operasi bermula, ini kerana kelulusan kerajaan mesti diperolehi, pekerja mesti direkrut dan produk mesti dipasarkan. Rakan kongsi tempatan boleh memberikan semua kemudahan ini (Woon Yoke Sun, 1990). Pengalaman pelabur Jepun di luar negara juga telah menggalakkan usahasama (K. Yoshihara, 1978).

Pegawai-pegawai dan ahli perniagaan Jepun di agensi-agensi promosi eksport memahami semangat nasionalisme yang termaktub dalam undang-undang pelaburan baru di Malaysia. Perjanjian usahasama dianggap perlu bukan sahaja untuk mematuhi undang-undang ini, tetapi juga untuk menyediakan perlindungan terhadap tekanan politik. Perkongsian pemilikan dengan rakyat tempatan menawarkan peluang untuk pengiktirafan kerajaan, dan mengurangkan risiko pengambilalihan. Chee Peng Lim dan Lee Poh Ping (1979) mendapati sebab untuk memilih usahasama adalah berbeza mengikut syarikat-syarikat yang terlibat. Sama ada keputusan untuk menubuhkan usahasama telah digalakkan oleh kerajaan Malaysia, atau dikehendaki oleh kerajaan Jepun, atau atas sebab-sebab tersendiri syarikat, ia secara amnya perlu menguntungkan kedua-dua pihak.

Syarikat Jepun boleh menggunakan dana tempatan untuk membiayai operasinya dan ia boleh menjamin atau meningkatkan pegangan pasarannya di Malaysia. Seperti yang dinyatakan oleh Louis Turner, pelaburan syarikat multinasional adalah dalam jumlah yang besar bagi negara dunia dan syarikat multinasional tidak semestinya membawa masuk wang tunai yang banyak dalam pelaburan mereka (L. Turner, 1973). Jepun, seperti pelabur asing lain di Malaysia, bergantung kepada bank-bank tempatan untuk membiayai projek-projek mereka. Mereka juga meminjam sepenuhnya bagi projek-projek bangunan kilang. Nathaniel B. Thyer menyatakan bahawa ia adalah amalan biasa bagi syarikat-syarikat Jepun di Jepun untuk beroperasi atas wang pinjaman (Nathaniel B. Thayer, 1969). Tambahan pula, ia boleh menggunakan kuota import yang diberikan kepada eksport Malaysia. Melalui *Multi Fibre Arrangement* (MFA) (Mehmet Sami Denker, 1994), pelabur tekstil Jepun telah mengambil kesempatan ke atas kuota Malaysia untuk mengeksport secara tidak langsung ke Eropah dan Amerika Syarikat melalui usahasama di Malaysia.

Jenis rakan kongsi pelabur Jepun di Malaysia boleh dibahagikan kepada agensi-agensi kerajaan atau separuh kerajaan, individu persendirian dan firma. Pemilihan rakan kongsi bukan kerajaan ditentukan oleh ketersediaan modal, kapasiti runcit atau pengedaran, sifat amanah, dan dalam sesetengah kes,

pengaruh politik mereka (Chee Peng Lim & Lee Poh Ping, 1979). Contohnya adalah penubuhan Malayawata yang merupakan perkongsian dengan ahli perniagaan persendirian. Dalam tempoh awal selepas merdeka, kebanyakan perkongsian Jepun telah ditubuhkan dengan rakan kongsi tempatan yang mempunyai hubungan dengan Jepun semasa penubuhan perkongsian. Sebagai contoh, Federal Iron Works Sdn. Bhd. yang ditubuhkan pada tahun 1960, adalah sebuah syarikat perkongsian Nomura Trading Co. Ltd. dengan rakan kongsi tempatan yang menguruskan kepentingan Nomura selepas merdeka (ibid.)

### **Pelaburan Sogo Shosha 1957-1970**

Firma-firma perdagangan atau Sogo Shosha memainkan peranan dalam pelaburan modal dan aspek pemasaran di Malaysia. Dalam perkongsian yang melibatkan firma-firma perdagangan, majoriti daripada mereka adalah firma-firma perdagangan yang besar seperti Mitsubishi Corporation, Mitsui Co. Ltd., Marubeni Corporation, Sumimoto Co. Ltd., Nissho-Iwai Co. Ltd., Ataka Co. Ltd. (kini bergabung dengan C. Itoh Co. Ltd.), C. Itoh Co. Ltd. dan Nichimen Co. Ltd. (ibid.) Firma-firma perdagangan ini terlibat dalam semua jenis aktiviti pembuatan, seperti pembuatan keluli, tekstil, bahan kimia pertanian, pembinaan kapal dan sebagainya (Ryokichi Hirono, 1974). Firma-firma perdagangan ini sudah pasti akan meningkatkan penglibatan mereka di Malaysia apabila hubungan kedua-dua pihak berkembang di masa hadapan.

Pada peringkat awal pelaburan Jepun tahun 1962 di Persekutuan Tanah Melayu, satu daripada lapan usahasama ketika itu, Malayan Sugar Manufacturing Co. Ltd. melibatkan penyertaan daripada salah satu firma perdagangan besar, Mitsui Co. Ltd. Lapan usahasama yang lain sama ada tidak melibatkan penyertaan dari firma perdagangan yang besar atau penyertaan hanya daripada firma yang lebih kecil, seperti Nomura Trading Company. Malayawata yang melibatkan penyertaan Mitsui dan Mitsubishi (Mohd. bin Samsudin, 1988; Straits Times, 1956) pada tahun 1965, hanya melibatkan penyertaan firma perdagangan yang kecil seperti Irimaru Trading Company dan Kinoshita Trading Company apabila mula ditubuhkan pada tahun 1961 (Chee Peng Lim & Lee Poh Ping, 1979). Ini menunjukkan bahawa firma-firma perdagangan yang besar tidak berminat melabur di Persekutuan Tanah Melayu pada peringkat awal atau terlalu berhati-hati, memilih untuk meninggalkan bidang tersebut kepada firma-firma yang lebih kecil (Foo Lai-Reen Joanne, 2003).

Dari tahun 1950-an ke 1960-an, strategi penggantian import Malaysia (Mohd. bin Samsudin, 1988) menyaksikan firma-firma Jepun berminat dalam mengembangkan dan melindungi pegangan pasaran tempatan mereka (Institute of Southeast Asian Studies, 1975). Ini kerana mereka kekurangan sumber kewangan akibat sekatan pertukaran asing di Jepun dan juga menggunakan rangkaian pemasaran tempatan rakan kongsi mereka. Sogo Shosha juga terlibat sebagai rakan kongsi pelaburan (Makoto Anazawa, 1994) dengan menubuhkan anak syarikat yang dilindungi oleh tarif di Malaysia bagi membekalkan pasaran tempatan (Mohd. bin Samsudin, 1988). Contohnya adalah industri elektrik dan elektronik Jepun yang menubuhkan anak-anak syarikat seperti Matsushita, Sanyo, dan Sharp. Industri lain Jepun yang penting pada tahun 1960-an adalah pembuatan berasaskan sumber kayu. Bagi firma-firma Jepun yang tertakluk kepada kawalan pertukaran asing yang ketat oleh Kementerian Kewangan, pelaburan Jepun umumnya tidak digalakkan sehingga akhir tahun 1960-an (Foo Lai-Reen Joanne, 2003).

### **Kesimpulan**

Pelaburan pertama Jepun di Persekutuan Tanah Melayu selepas perang adalah berbentuk usahasama. Melalui usahasama dengan rakan kongsi tempatan, beberapa syarikat Jepun telah melabur dalam industri makanan, tekstil dan tembikar pada akhir tahun 1950-an. Menjelang tahun 1961, terdapat usahasama Jepun dalam pembuatan ubat gigi, kepingan asbestos, barangan laut, asid gultamik dan kepingan besi. Pelaburan Jepun yang berorientasikan eksport mula mengalir masuk ke Malaysia pada pertengahan tahun 1960, menumpukan terhadap pembinaan dan pembaikan kapal, pembuatan jam, barang permainan,

jentera elektrik, dan bahagian serta komponen elektrik. Projek-projek pelaburan Jepun ini dijalankan oleh konglomerat utama Jepun, biasanya sebagai usahasama dengan pemilik tempatan daripada dimiliki mereka sepenuhnya.

Pelaburan Jepun dalam usahasama mula meningkat pada akhir tahun 1960-an. Terdapat hanya kira-kira lapan usahasama pada tahun 1962, termasuk Malayawata Steelmill, tetapi dari akhir tahun 1960-an, usahasama Jepun meningkat pesat. Pada tahun 1965, terdapat 22 usahasama di mana antaranya 13 dalam sektor perindustrian dan selebihnya dalam sektor perlombongan, pada tahun 1969 terdapat 46 usahasama dan ia meningkat kepada 189 usahasama menjelang 31 Mac 1970. Kebanyakan syarikat Jepun adalah dalam sektor pembuatan. Firma-firma Jepun terlibat dalam sektor petroleum dan kimia, keluli dan lain-lain logam, produk kayu, makanan, tekstil, elektrik dan elektronik, industri mesin pengangkutan. Tumpuan pelaburan Jepun terarah kepada pemprosesan sumber asli bagi membekalkan input untuk industri Jepun.

## Rujukan

Sumber primer:

- Anon (1988) Malaysians had their first taste in early 20s. *The Star*, 15 Ogos.
- Arkib Negara Malaysia dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri (1977) *Ucapan-ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein 1973*. Ibrahim bin Johari, P.I.S, Ketua Pengarah Percetakan Semenanjung Malaysia, Kuala Lumpur.
- Fail Jabatan Penerangan Malaysia No. G.4732 (N.429/89) (1965) *Peony Blanket Industrial Company (Malaysia) Limited. Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Dr. Lim Swee Aun merasmikan kilang, Petaling Jaya; 01.10.1965*.
- Fail Jabatan Penerangan Malaysia No. G.5194 (N.950/89) (1966) *TUAN HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI MENANDATANGANI PERJANJIAN PROJEK MENAKUNG AIR SUNGAI MUDA DI KEDAH; 11.3.1966*.
- Fail Jabatan Penerangan Malaysia No. G.6454 (1967) *SATU KURSUS PENGAJIAN JEPUN, DI UNIVERSITI MALAYA, PROFESOR CHIN FUNG KEE, MENERIMA PEMBERIAN RASMI DARI DUTA BESAR JEPUN KE MALAYSIA, TAN SRI FUMIHIKO, DI COURT ROOM, UNIVERSITI MALAYA, KUALA LUMPUR; 18.2.1967*.
- Fail Jabatan Penerangan Malaysia No. G.6809 (1967) *Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Dr. Lim Swee Aun, selepas Perasmian Pembukaan Syarikat Elektrik Matsushita (Malaysia) Berhad; 11.05.1967*.
- Fail Jabatan Penerangan Malaysia No. G.6845 (1967) *Derma peralatan jentera oleh Kerajaan jepun kepada Pusat Latihan Perusahaan, Kuala Lumpur; 18.05.1967*.
- Fail Jabatan Penerangan Malaysia No. G.7837 (1968) *ALAT-ALAT PEMBEDAHAN KHAS DARI KERAJAAN JEPUN DITERIMA OLEH DR. NG. KAM POH, KEMENTERIAN KESIHATAN, KUALA LUMPUR; 08.04.1968*.
- Fail Jabatan Penerangan Malaysia No. G. 8304 (1968) *PUSAT LATIHAN PERTANIAN SERDANG, JENTERA PEMBAJAK SUMBANGAN KERAJAAN JEPUN SEDANG DIPERIKSA OLEH TUAN HAJI MOHAMED GHAZALI MOHAMED JAWI; 29.8.1968*.
- Fail Jabatan Penerangan Malaysia No. G.8726 (1969) *STESEN PERHUBUNGAN SATELIT KUANTAN. KONTRAK PEMBINAAN DI TANDATANGANI OLEH KERAJAAN MALAYSIA DAN SYARIKAT MITSUBISHI SHOJI KAISHA BERHAD DI KEMENTERIAN KERJAYA RAYA, POS DAN TELEKOM, KUALA LUMPUR; 04.07.1969*.
- Fail Jabatan Penerangan Malaysia No. G.9847 (1970) *MALAYSIA-JEPUN, PERJANJIAN PENYELIDIKAN SELATA MELAKA, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN, KUALA LUMPUR; 18.07.1970*.



Fail Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) No. 8000/30 JLD. II. (t.th.) *MALAYSIAN INVESTMENT MISSION TO JAPAN 1978 - Malaysian Investment Promotion from 25 Oktober 1978 to 16 Januari 1979*.

Kumpulan PERNAS (1975) Opening of Malayawata's modification one project: Malaysia's largest steel mill embarks on another expansion programme. *Suara PERNAS* 3 (3), 5.

Selangor State Investment Centre (SSIC) (Data Primer).

*The Straits Times* (1961) 2 Mac.

*The Straits Times* (1964) 26 Jun.

*The Straits Times* (1965) 9 Mei.

Sumber sekunder:

Ahmad Ali Seman (1996) Hubungan ekonomi Malaysia-Jepun: 1980-1990. In: Badriyah Haji Salleh, Tan Liok Ee (eds) *Alam pensejarahan: Dari pelbagai perspektif*, pp. 333-351. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Ajit Singh Rye (1973) Japan's future role in Southeast Asia. In: Teik Soon Lau (ed) *New directions in the international relations of Southeast Asia - The great powers and Southeast Asia. Papers presented at a conference organized by the Institute of Southeast Asian Studies*, pp. 67-79. University of Singapore, Singapore.

Chee Peng Lim, Lee Poh Ping (1979) *The role of Japanese direct investment in Malaysia*. Occasional Paper No. 60. Institute of Southeast Asian Studies, Singapore.

Chua Wee Meng (1975) Comments on Professor Ichimura's Paper. In: Institute of Southeast Asian Studies. *The future pattern of Japanese economic and political relations with Southeast Asia*. Current Issues Seminar Series No. 5, 36-48. Institute of Southeast Asian Studies, Singapore.

*Far Eastern Economic Review* XXV (23). 4 Disember 1958.

Foo Lai-Reen Joanne (2003) *Pelaburan langsung teknologi tinggi Jepun di Malaysia*. (Tesis Sarjana Falsafah) Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Gouri Paranisamy (1998/1999) *Perkembangan pelaburan Jepun di Negeri Johor - Kajian kes Kilang Fujitsu Component (Malaysia) Sdn. Bhd. di Daerah Batu Pahat, Johor* (Tesis Sarjana Muda) Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Institute of Southeast Asian Studies (1975) *The future pattern of Japanese economic and political relations with Southeast Asia*. Current Issues Seminar Series No. 5. Institute of Southeast Asian Studies, Singapore.

Johan Saravanamuttu (1988) The look East policy and Japanese economic penetration in Malaysia. In: Jomo KS (ed) *Mahathir's economic policies*, pp. 4-28. INSAN, Kuala Lumpur.

J. Tann Kok Aun (1982) *I go East: Learning from the Japanese experience*. Milimex Corporation Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

Junko Tomaru (2000) *The postwar rapprochement of Malaya and Japan, 1945-61: The roles of Britain and Japan in South-East Asia*. Macmillan Press Ltd, London.

Hideaki Ohta, Akihiko Tokuno, Ritsuko Takeuchi (1995) Evolving foreign investment strategies of Japanese firms in Asia. In: Nomura Research Institute & Institute of Southeast Asian Studies (eds) *The new wave of Foreign Direct Investment in Asia*, pp. 43-63. Institute of Southeast Asian Studies, Singapore.

Kiyoshi Kojima (1973) Reorganisation of North-South trade, Japan's foreign economic policy for the 1970s. *Hitotsubashi Journal of Economics* 13 (2), 1-28.

Kiyoshi Kojima (1978) *Direct Foreign Investment: A Japanese model of multinational business operations*. Croom Helm, London.

Makoto Anazawa (1994) Japanese manufacturing investment in Malaysia. In: Jomo KS (eds) *Japan and Malaysian development: In the shadow of the rising sun*, pp. 75-101. Routledge, London.

- Md. Ali Hasan (1996) *Pelaburan langsung Jepun di Malaysia*. Kertas kerja Kongres Sejarah Malaysia II - Sejarah dan Proses Pemantapan Negara Bangsa. Anjuran Persatuan Sejarah Malaysia dengan kerjasama Jabatan Sejarah UKM. Bilik Jumaah UKM, Bangi. 26-28 November.
- Md Nasrudin Md Akhir, Asmadi Hassan, Rohayati Paidi (2008) *Organisasi dan institusi Jepun*. Jabatan Pengajian Asia Timur, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mehmet Sami Denker (1990) *Internationalization of the Malaysian economy: Role of Japan* (PhD dissertation). Universiti Malaya.
- Mehmet Sami Denker (1994) The evolution of Japanese investment in Malaysia. In: Jomo KS (ed) *Japan and Malaysian development: In the shadow of the rising sun*, pp. 44-74. Routledge, London.
- Mohd Samsuddin (1995) Perhubungan awal Malaysia-Jepun 1957-1967. *Malaysia Dari Segi Sejarah* 23, 66-89.
- Nobuo Kawabe (1993) Masalah dan perspektif pengurusan Jepun di Malaysia. In: Soichi Yamashita (ed) *Pemindahan teknologi dan pengurusan Jepun ke negara-negara ASEAN*, pp. 269-300. Terj. Nazlifa Md. Ali. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Ooi Loy Mui (1997/1998) *Sejarah ekonomi Malaysia-Jepun: Kecenderungan dasar pandang ke Timur sehingga membawa kepada penerapan sistem penglibatan gaya Jepun di Malaysia dari tahun 1957-1980an* (Tesis Sarjana Muda Sastera). Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Roszaima Rosdi (2011) *Sejarah perkembangan kegiatan pelaburan Jepun di Malaysia: Satu penilaian* (Tesis Sarjana Muda Sejarah). Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ryokichi Hirono (1974) Japanese private investment in Asia. In: Sandhu, Kernial S, Tang, Eileen PT (eds) *Japan as an economic power and its implications for Southeast Asia*. Papers presented at a conference organized by the Institute of Southeast Asian Studies, 1-18. Institute of Southeast Asian Studies, Singapore.
- Shum Yu Wen (1997/1998) *Dasar luar Jepun terhadap negara-negara ASEAN selepas perang Dunia Kedua sehingga 1990* (Tesis Sarjana Muda). Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siow Yuen Tow (1991) *Perdagangan dan pelaburan Jepun di Malaysia selepas Perang Dunia Kedua* (Latihan Ilmiah). Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sumanthy a/p Murugaiah (1997/1998) *Perdagangan dan pelaburan Jepun di Negeri Sembilan 1957-1990* (Tesis Sarjana Muda). Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tan Sock Cheong (1994) *Bantuan luar Amerika Syarikat dan Jepun kepada Malaysia: Satu perspektif sejarah perbandingan (1957-1980)* (Tesis Sarjana Muda). Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Terutomo Ozawa (1979) *Multinationalism, Japanese style: The political economy of outward dependency*. Princeton University Press, Princeton.
- Woon Yoke Sun (1990) *The role of Japanese Direct Foreign Investment in the Malaysian manufacturing sector* (Dissertation Master of Economics). Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya.
- Yong Ee Chin (2000) *Japan-Malaysia relations: The impact of Japanese investment on Malaysia*. (Tesis Master of Arts in Strategy and Diplomacy). Strategic and Security Studies Unit, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yoshihara K (1978) *Japanese investment in Southeast Asia*. University Press of Hawaii, Honolulu.